Al-Muhaddits Prof. Dr. Al-Habib As-Sayyid Muhammad ibn 'Alawi Al-Maliki Al-Hasani ﵁ (1365 – 1425H (60 tahun) / 1946 – 2004M (58 tahun))

Pendahuluan

As-Sayyid Muhammad ibn 'Alawi Al-Maliki ﵁ adalah salah seorang ulama' Islam yang terutama desawarsa ini tanpa ragu lagi, ulamak yang paling dihormati dan dicintai di kota suci Makkah.

Beliau merupakan keturunan Rasulullah ﷺ, penghulu Ahlil Bait, Imam Hadits di zaman kita, pemimpin keempat-empat mazhab, ketua rohani yang paling berkaliber, pendakwah ke jalan Allah, seorang yang tidak goyah dengan pegangannya di dunia ilmiah Islam turath. Menzirahi beliau merupakan suatu kemestian kepada para ulama' yang menziarahi Makkah.

Keluarga

Keturunan Sayyid merupakan keturunan mulia yang bersambung secara langsung dengan Junjungan kita Muhammad ﷺ sendiri. Beliau merupakan waris keluarga Al-Maliki Al-Hasani di Makkah yang masyhur yang merupakan keturunan Rasulullah ﷺ, melalui cucu Baginda ﷺ, Imam Al-Hasan ibn Ali ﵁.

Keluarga Maliki merupakan salah satu keluarga yang paling dihormati di Makkah dan telah melahirkan alim ulama' besar di Makkah, yang telah mengajar di Makkah berkurun lama.

Lima orang dari keturunan Sayyid Muhammad ﵁, telah menjadi Imam Mazhab Maliki di Haram Makkah. Datuk beliau, Al-Sayyid 'Abbas Al-Maliki ﵁, merupakan Mufti dan Qadhi Makkah dan khatib di Masjidil Haram. Beliau memegang jawatan ini ketika pemerintahan Utsmaniyah serta Hashimiyah, dan seterusnya terus memegang jawatan tersebut setelah Kerajaan Saudi diasaskan. Raja 'Abdul 'Aziz ibn Sa'ud sangat menghormati beliau. Riwayat lanjut beliau boleh dirujuk pada kitab Nur An-Nibras fi Asanid Al-Jadd As-Sayyid 'Abbas oleh cucunya As-Sayyid Muhammad Al-Maliki ﵁.

Bapa beliau pula, As-Sayyid 'Alawi Al-Maliki ﵁ merupakan salah seorang ulama' Makkah terunggul di abad yang lalu. Beliau telah mengajar pelbagai ilmu Islam turath di

Masjidil Haram selama hampir 40 tahun. Ratusan murid dari seluruh pelusuk dunia telah mengambil faedah daripada beliau dari kuliah beliau di Masjidil Haram, dan ramai di kalangan mereka telah memegang jawatan penting agama di negara masing-masing.

Malah, Raja Faisal tidak akan membuat apa-apa keputusan berkaitan Makkah melainkan setelah meminta nasihat daripada As-Sayyid Alawi. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1971 dan upacara pengebumiannya merupakan yang terbesar di Makkah sejak seratus tahun. Dalam tempoh 3 hari daripada kematian beliau, Stesyen Radio Saudi tempatan hanya menyiarkan bacaan Al-Quran, sesuatu yang tidak pernah dilakukan kecuali hanya untuk beliau.

Maklumat lanjut tentang As-Sayyid ‘Alawi boleh dirujuk kepada biografinya berjudul Safahat Musyriqah min Hayat Al-Imam As-Sayyid As-Syarif ‘Alawi ibn ‘Abbas Al-Maliki oleh anaknya, yang juga merupakan adik kepada As-Sayyid Muhammad, As-Sayyid ‘Abbas Al-Maliki, juga seorang ulama’, tetapi lebih dikenali dengan suara merdunya dan pembaca Qasidah yang paling utama di ‘Arab Saudi. Biografi ini mengandungi tulisan berkenaan As-Sayyid ‘Alawi dari ulama’ dari seluruh dunia Islam.

Keluarga Maliki juga telah melahirkan ramai lagi ulama’ lain, tetapi penulis hanya menyebut bapa dan datuk kepada As-Sayyid Muhammad. Untuk maklumat lanjut, rujuk tulisan-tulisan berkaitan sejarah Makkah dan ulama’nya di abad-abad mutakhir.

Kelahiran dan Pendidikan Awal

As-Sayyid Muhammad Al-Hasani ibn ‘Alawi ibn ‘Abbas ibn ‘Abdul ‘Aziz, dilahirkan pada tahun 1946, di kota suci Makkah, dalam keluarga Al-Maliki Al-Hasani yang terkenal, keluarga Sayyid yang melahirkan ulama’ tradisi. Beliau amat beruntung kerana memiliki bapa seperti As-Sayyid ‘Alawi, seorang ulama’ paling berilmu di Makkah. Bapa beliau merupakan guru pertama dan utama beliau, mengajar beliau secara peribadi di rumah dan juga di Masjidil Haram, di mana beliau menghafal Al-Quran sejak kecil. Beliau belajar dengan bapa beliau dan diizinkan untuk mengajar setiap kitab yang diajarkan oleh bapa beliau kepada beliau.

Pendidikan Lanjut

Dengan arahan bapanya, beliau juga turut mempelajari dan mendalami pelbagai ilmu turath Islam: ‘Aqidah, Tafsir, Hadits, Fiqh, Usul, Mustalah, Nahw dan lain-lain, di tangan ulama’-ulama’ besar lain di Makkah serta Madinah. Kesemua mereka telah memberikan ijazah penuh kepada beliau untuk mengajar ilmu-ilmu ini kepada orang lain.

Ketika berumur 15 tahun lagi, As-Sayyid Muhammad telah mengajar kitab-kitab Hadits dan Fiqh di Masjidil Haram, kepada pelajar-pelajar lain, dengan arahan guru-gurunya. Setelah mempelajari ilmu turath di tanah kelahirannya Makkah, beliau dihantar oleh bapanya untuk menuntut di Universiti Al-Azhar As-Syarif. Beliau menerima ijazah PhD daripada Al-Azhar ketika berusia 25 tahun, menjadikan beliau warga ‘Arab Saudi yang pertama dan termuda menerima ijazah PhD dari Al-Azhar. Tesis beliau berkenaan Hadits telah dianggap cemerlang dan menerima pujian yang tinggi dari ‘alim ulama’ unggul di Al-Azhar ketika itu, seperti Imam Abu Zahrah.

Perjalanan Mencari Ilmu

Perjalanan menuntut ilmu merupakan jalan kebanyakan ulama'. As-Sayid Muhammad turut tidak ketinggalan. Beliau bermusafir sejak usia muda untuk menuntut ilmu dari mereka yang memiliki ilmu. Beliau telah bermusafir dengan banyak ke Afrika Utara, Mesir, Syria, Turki, dan rantau Indo-Pak untuk belajar dari 'alim-ulama' yang hebat, bertemu para Wali Allah, menziarahi masjid-masjid dan maqam-maqam, serta mengumpul manuskrip-manuskrip dan kitab.

Di setiap tempat ini, beliau menemui para ulama' dan auliya' yang agung, dan mengambil faedah daripada mereka. Mereka juga turut tertarik dengan pelajar muda dari Makkah ini dan memberi perhatian istimewa untuk beliau. Kebanyakan mereka telah pun sangat menghormati bapa beliau yang 'alim, dan merupakan satu kebanggaan memiliki anak beliau sebagai murid.

Ijazah-ijazah

Sistem pengajian tradisi atau turath berasaskan kepada ijazah atau 'keizinan untuk menyampaikan ilmu'. Bukan semua orang boleh mengajar. Hanya mereka yang memiliki ijazah yang diktiraf dari 'alim-ulama' yang terkenal sahaja yang boleh mengajar. Setiap cabang pengetahuan dan setiap kitab Hadits, Fiqh, Tafsir dan lain-lain, mempunyai Sanad-sanad, atau rantaian riwayat yang bersambung sehingga kepada penyusun kitab tersebut sendiri melalui anak-anak muridnya dan seterusnya anak-anak murid mereka. Banyak sanad-sanad yang penting, seperti sanad Al-Qur'an, Hadits dan Tasawwuf, bersambung sehingga kepada Rasulullah ﷺ.

Sayyid Muhammad mendapat penghormatan dengan menjadi Syaikh dengan bilangan ijazah terbanyak dalam waktunya. Beliau juga memiliki rantaian sanad terpendek atau terdekat dengan datuknya, Nabi Muhammad ﷺ.

Di Tanah 'Arab, tanah kelahirannya, dan dalam permusafiran ilmunya, As-Sayyid Muhammad mendapat lebih dari 200 ijazah dari 'alim-ulama' teragung di zamannya, di setiap cabang ilmu Islam. Ijazah beliau sendiri, yang beliau berikan kepada murid-muridnya adalah antara yang paling berharga dan jarang di dunia, menghubungkan anak-anak muridnya dengan sejumlah besar para ulama' agung.

Para Masyaikh yang memberikan As-Sayyid Muhammad ﷺ ijazah-ijazah mereka merupakan ulama' besar dari seluruh dunia Islam. Kita menyebutkan sebahagian mereka:

Dari Makkah:

1) Bapa beliau yang 'alim dan guru beliau yang pertama, As-Sayyid 'Alawi ibn 'Abbas Al-Maliki.
2) Syaikh Muhammad Yahya Aman Al-Makki.
3) Syaikh As-Sayyid Muhammad Al-'Arabi Al-Tabbani.
4) Shaykh Hasan Sa'id Al-Yamani.
5) Shaykh Hasan ibn Muhammad Al-Mashshat.
6) Syaikh Muhammad Nur Sayf.
7) Syaikh Muhammad Yasin Al-Fadani.
8) Aa-Sayyid Muhammad Amin Kutbi.
9) As-Sayyid Ishaq ibn Hashim 'Azuz.
10) Habib Hasan ibn Muhammad Fad'aq.
11) Habib Abd-al-Qadir ibn 'Aydarus Al-Bar.
12) Syaikh Khalil 'Abd. Al-Qadir Taybah.
13) Syaikh 'Abd-Allah Al-Lahji.

Dari Madinah:

1) Syaikh Hasan Al-Sha'ir, Syaikh Al-Qurra of Madinah.
2) Syaikh Diya-al-Din Ahmad Al-Qadiri.
3) As-Sayyid Ahmad Yasin Al-Khiyari.
4) Syaikh Muhammad Al-Mustafa Al-'Alawi Al-Shinqiti.
5) Syaikh Ibrahim Al-Khatani Al-Bukhari.
6) Syaikh 'Abd-al-Ghafur Al-Abbasi Al-Naqshbandi.

Dari Hadramawt dan Yaman:

1) Al-Habib 'Umar ibn Ahmad ibn Sumait, Imam Besar Hadramaut.
2) Syaikh As-Sayyid Muhammad Zabarah, Mufti Yaman.
3) Syaikh As-Sayyid Ibrahim bin Aqeel Al-Ba-Alawi, Mufti Ta'iz.
4) Al-Imam As-Sayyid 'Ali ibn 'Abd-al-Rahman Al-Habsyi.
5) Al-Habib 'Alawi ibn 'Abd-Allah ibn Shihab.
6) As-Sayyid Hasan bin Abd-al-Bari Al-Ahdal.
7) Syaikh Fadhl ibn Muhammad Ba-Fadhal.
8) Al-Habib 'Abd-Allah ibn 'Alawi Al-Attas.
9) Al-Habib Muhammad ibn Salim bin Hafiz.
10) Al-Habib Ahmad Mashhur Al-Haddad.
11) Al-Habib 'Abd-al-Qadir Al-Saqqaf.

Dari Syria:

1) Syaikh Abu-al-Yasar ibn Abidin, Mufti Syria.
2) Syaikh As-Sayyid Al-Sharif Muhammad Al-Makki Al-Kattani, Mufti Maliki .
3) Syaikh Muhammad As'ad Al-Abaji, Mufti Syafi'i.
4) Syaikh As-Sayyid Muhammad Salih Al-Farfur.
5) Syaikh Hasan Habannakah Al-Maydani.
6) Syaikh 'Abd-al-Aziz 'Uyun Al-Sud Al-Himsi.
7) Syaikh Muhammad Sa'id al-Idlabi al-Rifa'i.

Dari Mesir:
1) Syaikh As-Sayyid Muhammad al-Hafiz al-Tijani, Imam Hadith di Mesir.
2) Syaikh Hasanain Muhammad Makhluf, Mufti Mesir.
3) Syaikh Solih Al-Ja‘fari, Imam Masjid Al-Azhar.
4) Syaikh Amin Mahmud Khattab Al-Subki.
5) Syaikh Muhammad al-‘Aquri.
6) Syaikh Hasan al-‘Adawi.
7) Syaikh As-Sayyid Muhammad Abu-al-‘Uyun al-Khalwati.
8) Syaikh Dr. ‘Abd-al-Halim Mahmud, Syeihkul Azhar.

Dari Afrika Utara (Maghribi, Algeria, Libya dan Tunisia):

1) Syaikh As-Sayyid As-Sharif Abd-al-Kabir al-Saqali al-Mahi.
2) Syaikh As-Sayyid ‘Abd-Allah bin Al-Siddiq Al-Ghumari, Imam Hadits
3) Syaikh As-Sayyid ‘Abd-al-‘Aziz ibn Al-Siddiq al-Ghumari.
4) As-Syarif Idris al-Sanusi, Raja Libya.
5) Syaikh Muhammad At-Tahir ibn ‘Ashur, Imam Zaytunah, Tunis.
6) Syaikh al-Tayyib Al-Muhaji al-Jaza’iri.
7) Syaikh Al-Faruqi Al-Rahhali Al-Marrakashi.
8) Syaikh As-Sayyid As-Sharif Muhammad al-Muntasir al-Kattani.

Dari Sudan:

1) Syaikh Yusuf Hamad An-Nil
2) Syaikh Muddassir Ibrahim
3) Syaikh Ibrahim Abu-an-Nur
4) Syaikh At-Tayyib Abu-Qinayah

Dari Rantau Indo-Pak:

1) Syaikh Abu-al-Wafa al-Afghani Al-Hanafi.
2) Syaikh ‘Abd-al-Mu‘id Khan Hyderabadi.
3) Al-Imam Al-’Arif Billah Mustafa Rida Khan al-Barelawi, Mufti India.
4) Mufti Muhammad Shafi’ Al-Deobandi, Mufti Pakistan.
5) Mawlana Muhammad Zakariyya Al-Kandahlawi, Imam Hadits.
6) Mawlana Zafar Ahmad Thanawi.
7) Syaikh Al-Muhaddits Habib Al-Rahman Al-‘Azami.
8) Sayyid Abu Al-Hasan ‘Ali An-Nadawi.

Senarai ini hanya merupakan ulama’ masyhur yang Syaikh kita telah mendapat ijazah darinya, dan di sana terdapat ramai lagi yang tidak disebutkan. Pada As-Sayyid Muhammad ‘Alawi ﵀, seseorang akan mendapati nilai terbaik dari para Masyaikh ini dalam pelbagai latarbelakang dan pengkhususan.

Karier Mengajar

Kalimah karier sebenarnya mungkin tidak sesuai untuk digunakan untuk menggambarkan aktiviti mengajar As-Sayyid Muhammad ﵀, kerana kalimah ini amat hampir kaitannya dengan keuntungan material. Sementara beliau, seperti mana Masyaikh tradisi yang lain, juga seperti keturunannya sebelum beliau, mengajar hanya kerana Allah dan tidak mengharapkan keuntungan material langsung.

Malahan, beliau menempatkan sejumlah besar pelajar di rumahnya sendiri, menyediakan untuk mereka makan minum, penginapan, pakaian, kitab-kitab serta segala keperluan mereka. Sebagai balasan, mereka hanya diminta mengikuti peraturan dan etika penuntut ilmu agama yang suci. Pelajar-pelajar ini biasanya menetap bersama beliau bertahun-tahun lamanya, mempelajari pelbagai cabang ilmu Islam, dan seterusnya kembali ke negeri masing-masing. Ratusan dari para pelajar telah menuntut di kaki beliau dan telah menjadi pelopor pengetahuan Islam dan kerohanian di negara mereka, terutamanya di Indonesia, Malaysia, Mesir, Yaman dan Dubai.

Bagaimanapun apabila pulang dari Al-Azhar, beliau dilantik sebagai Profesor Pengajian Islam di Universiti Ummul Qura di Makkah, yang mana beliau telah mengajar sejak tahun 1970.

Pada tahun 1971, sebaik bapanya meninggal dunia, para ulama' Makkah meminta beliau untuk menggantikan tempat bapanya sebagai guru di Masjidil Haram. Beliau menerimanya, lantas menduduki kedudukan yang telah diduduki oleh keluarganya lebih dari seabad. Beliau juga kadang kala mengajar di Masjid Nabi di Madinah. Kuliah pengajian beliau merupakan kuliah yang paling ramai dihadiri di kedua-dua Tanah Haram.

Bagaimanapun pada awal tahun 80-an, beliau telah mengosongkan kedudukan mengajarnya di Universiti Ummul Qura juga kerusi warisannya di Masjidil Haram, memandangkan fatwa dari sebahagian ulama' fanatik fahaman Wahhabi, yang menganggap kewujudannya sebagai ancaman kepada ideologi dan kekuasaan mereka.

Sejak itu, beliau mengajar kitab-kitab agung Hadits, Fiqh, Tafsir dan tasawwuf di rumah dan masjidnya di Jalan Al-Maliki di Daerah Rusayfah, Makkah. Kuliah-kuliah umumnya antara waktu Maghrib dan Isyak dihadiri tidak kurang daripada 500 orang setiap hari. Ramai pelajarnya daripada Universiti menghadiri pengajiannya di waktu malam. Sehingga malam sebelum beliau meninggal dunia, majlisnya dipenuhi penuntut.

Sayyid Muhammad 'Alawi Al-Maliki رضي الله عنه amat dihormati oleh Kerajaan 'Arab Saudi dan selalu diminta nasihat dari Raja sendiri dalam urusan-urusan yang penting. Beliau juga dilantik sebagai ketua juri dalam Musabaqah Al-Qur'an antarabangsa di Makkah selama tiga tahun berturut-turut.

Tulisan Beliau

Sayyid Muhammad رضي الله عنه merupakan seorang penulis yang hebat dan telah menghasilkan hampir seratus buah kitab. Beliau telah menulis dalam pelbagai topik agama, undang-undang, sosial serta sejarah, dan kebanyakan bukunya dianggap sebagai rujukan utama dan perintis kepada topik yang dibicarakan dan dicadangkan sebagai buku teks di Institusi-institusi Islam di seluruh dunia.

Kita sebutkan sebahagian hasilnya dalam pelbagai bidang:

'Aqidah:

1) Mafahim Yajib an Tusohhah *(Kefahaman yang wajib diperbetulkan).*
2) Manhaj As-salaf fi Fahm An-Nusus Bainan Nazhariyyati wat Tathbiq *(Cara ulama' salaf memahami nash Al-Qur'an dan Hadits, antara teori dan praktik).*
3) At-Tahziru minal Mujazafah fit Takfir *(Kewaspadaan dari sembarangan mengkafirkan orang lain).*

4) Huwa Allah *(Dialah Allah).*
5) Qul Hazihi Sabiili *(Katakanlah: Inilah jalanku).*
6) Syarh ‘Aqidat al-‘Awam.

Tafsir:

1) Zubdat al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an *(Intisari kitab Itqan).*
2) Wa Huwa bil Ufuqil ‘A’la *(Dia berada di ufuk yang tinggi).*
3) Al-Qawa‘idul Asasiyyah fi ‘Ulumil Quran *(Dasar-dasar ilmu-ilmu Al-Qur’an).*
4) Hawl Khasa’is al-Quran.

Hadits:

1) Al-Manhal al-Lathif fi Usul al-Hadits al-Syarif *(Bicara ilmu mushtholahul hadits).*
2) Al-Qawa‘id al-Asasiyyah fi ‘Ilmi Mushtolah al-Hadits *(Dasar-dasar ilmu mushtolahul hadits).*
3) Anwarul Masalik Ila Riwayati Muwattoi Malik *(Penerangan tentang berbagai-bagai riwayat Muwaththo’).*
4) Tahqiq Muwaththo’ Imam Malik *(Taqiq Muwaththo’ Imam Malik – riwayat Imam Ibnu Qasim)*
5) At-Tali’us Sa’id *(Dalam bicara ilmu hadits musalsal dan sanad).*
6) Al-‘Iqdul Farid, Al-Mukhtasor minal Atsbat wal Asanid *(Dalam bicara ilmu hadits musalsal dan sanad).*
7) Al-‘Uqudul Lu’luiyyatu Bil Asanidil ‘Alawiyyati *(Dalam bicara menyebut sanad-sanad Sayyid ‘Alawi – ayahanda beliau).*

Sirah:

1) Muhammad (ﷺ) al-Insan al-Kamil.
2) Tarikh al-Hawadits wa al-Ahwal al-Nabawiyyah *(Sejarah peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Rasulullah ﷺ).*
3) Khashoishul Ummatil Muhammadiyyah *(Keistimewaan ummat Nabi Muhammad ﷺ).*
4) Al-Anwar al-Bahiyyah fi Isra wa M’iraj Khayr al-Bariyyah *(Isra’ Mi’raj Rasulullah ﷺ).*
5) Al-Zakhair al-Muhammadiyyah *(Keistimewaan Nabi Muhammad ﷺ).*
6) Zikriyat wa Munasabat
7) Al-Busyra fi Manaqib al-Sayyidah Khadijah al-Kubra *(Manaqib Sayyidah Khadijah Al-Kubra).*
8) Az-Ziyaratul Nabawiyyah Bainasy Syar’iyyati wal Bid’ati *(Ziarah Rasulullah, antara Syar’i dan Bid’ah).*
9) ‘Urf al-Ta’rif bi al-Mawlid al-Sharif

Ushul:

1) Al-Qawa‘id al-Asasiyyah fi Usul al-Fiqh *(Dasar-dasar ilmu ushul fiqh).*
2) Syarh Manzumat al-Waraqat fi Usul al-Fiqh *(Bicara ushul fiqh).*
3) Mafhum al-Tatawwur wa al-Tajdid fi al-Syari‘ah al-Islamiyyah *(Erti perkembangan dan pembaharuan dalam Syari’at Islam).*

Fiqh:

1) Al-Risalah al-Islamiyyah Kamaluha wa Khuluduha wa ‘Alamiyyatuha.
2) Labbayk Allahumma Labbayk *(Ya, wahai Tuhanku! Ya, wahai Tuhanku!).*

3) Al-Ziyarah al-Nabawiyyah bayn al-Syar‘iyyah wa al-Bid‘iyyah *(Ziarah Rasulullah, antara Syar’i dan Bid’ah).*
4) Shifa’ al-Fu’ad bi Ziyarat Khayr al-‘Ibad *(Kesembuhan hati dengan ziarah khairil ‘ibad / Rasulullah ﷺ).*
5) Hawl al-Ihtifal bi Zikra al-Mawlid al-Nabawi al-Syarif *(Hukum mengadakan majlis mauled Nabi ﷺ).*
6) Al-Madh al-Nabawi bayn al-Ghuluww wa al-Inshof *(Memuji Rasulullah ﷺ, antara melampau dan pertengahan).*

Tasawwuf:

1) Syawariq al-Anwar min Ad‘iyat al-Sadah al-Akhyar *(Himpunan doa-doa orang solih).*
2) Abwab al-Faraj *(Pintu-pintu pelepasan).*
3) Al-Husun al-Mani‘ah *(Himpunan amalan pemelihara diri).*
4) Mukhtasar Shawariq al-Anwar *(Ringkasan Himpunan doa-doa orang solih).*
5) Al-Mukhtar min Kalam al-Akhyar

Lain-lain:

1) Fi Rihab al-Bayt al-Haram *(Sejarah Makkah).*
2) Al-Mustashriqun Bayn al-Insaf wa al-‘Asabiyyah *(Kajian Berkaitan Orientalis).*
3) Nazrat al-Islam ila al-Riyadah *(Sukan dalam Islam).*
4) Al-Qudwah al-Hasanah fi Manhaj al-Da‘wah ila Allah *(Teknik Dakwah).*
5) Ma La ‘Aynun Ra’at *(Butiran Syurga).*
6) Nizam al-Usrah fi al-Islam *(Peraturan Keluarga Islam).*
7) Al-Muslimun Bayn al-Waqi‘ wa al-Tajribah *(Muslimun, Antara Realiti dan Pengalaman).*
8) Kashf al-Ghumma *(Ganjaran Membantu Muslimin).*
9) Al-Dawah al-Islahiyyah *(Dakwah Pembaharuan).*
10) Fi Sabil al-Huda wa al-Rashad *(Koleksi Ucapan).*
11) Sharaf al-Ummah al-Islamiyyah *(Kemulian Ummah Islamiyyah).*
12) Usul al-Tarbiyah al-Nabawiyyah *(Metodologi Pendidikan Nabawi).*
13) Nur al-Nibras fi Asanid al-Jadd al-Sayyid Abbas *(Kumpulan Ijazah Datuk beliau, As-Sayyid Abbas).*
14) Al-‘Uqud al-Lu’luiyyah fi al-Asanid al-Alawiyyah *(Kumpulan Ijazah Bapa beliau, As-Sayyid Alawi).*
15) Al-Tali‘ al-Sa‘id al-Muntakhab min al-Musalsalat wa al-Asanid *(Kumpulan Ijazah).*
16) Al-‘Iqd al-Farid al-Mukhtasar min al-Athbah wa al-Asanid *(Kumpulan Ijazah).*
17) Tahqiq Kitab Jaliyatul Kadari bi zikri Asmaa-i Ahlil Badri wa Syuhadaa-i Uhudis Saadatil Ghurori *(Syair mengingati ahli Badar dan Uhud - Karangan Imam Ja’far Barzanji).*

Senarai di atas merupakan antara kitab As-Sayyid Muhammad ؓ yang telah dihasilkan dan diterbitkan. Terdapat banyak lagi kitab yang tidak disebutkan dan juga yang belum dicetak.

Kita juga tidak menyebutkan banyak penghasilan turath yang telah dikaji, dan diterbitkan buat pertama kali, dengan nota kaki dan komentar dari As-Sayyid Muhammad ؓ. Secara keseluruhannya, sumbangan As-Sayyid Muhammad ؓ amat agung.

Banyak hasil kerja As-Sayyid Muhammad ؓ telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa.

Aktiviti lain

As-Sayyid Muhammad ﵁ merupakan seorang pembimbing kepada ajaran dan kerohanian Islam yang sebenar dan telah bermusafir ke serata Asia, Afrika, Eropah dan Amerika, menyeru manusia ke arah kalimah Allah dan Rasul terakhir-Nya Muhammad ﷺ.

Di Asia Tenggara khasnya, As-Sayyid Muhammad ﵁ secara peribadi telah mengasaskan dan membiayai lebih 70 buah Sekolah Islam untuk melawan aktiviti dakyah Kristian. Sejumlah besar penganut Kristian dan Budha telah memeluk Islam di tangannya hanya setelah melihat Nur Muhammad yang bersinar di wajahnya.

Ke mana sahaja beliau pergi, para pemimpin, ulama' dan masyarakat di tempat tersebut akan menyambutnya dengan penuh meriah. Beliau seringkali memberi ceramah kepada ratusan ribu manusia.

Beliau amat disayangi dan dicintai oleh Muslimin di seluruh dunia, bukan sahaja kerana beliau keturunan Rasulullah ﷺ, tetapi juga kerana ilmunya yang luas, hikmahnya, akhlak serta watak rohaninya. Beliau juga amat terkenal amat pemurah dengan ilmu, kekayaan dan masanya.

Pendekatan

As-Sayyid Muhammad ﵁ mengikuti dan menyelusuri tradisi arus utama dan majoriti Islam, jalan Ahlu Sunnah wal Jama'ah, jalan toleransi dan sederhana, pengetahuan dan kerohanian, serta kesatuan dalam kepelbagaian.

Beliau percaya kepada prinsip berpegang dengan empat mazhab yang masyhur, tetapi tanpa fanatik. Beliau mengajar rasa hormat kepada ulama' dan Auliya' agung yang lepas.

Beliau menentang sikap sewenang-wenangnya mengatakan Muslim lain sebagai Kafir dan Musyrik, yang telah menjadi tanda dan sifat utama sebahagian fahaman hari ini.

Beliau amat menentang dan kritis terhadap mereka yang digelar reformis (Islah) abad ke-20 yang dengan mudah ingin menghapuskan Islam generasi terdahulu menggunakan nama Islam yang suci.

Beliau juga memahami bahawa mencela kesemua Asy'ari, atau kesemua Hanafi, Syafi'i dan Maliki, kesemua sufi, seperti mana yang dilakukan oleh sebahagian fahaman hari ini adalah sama dengan mencela keseluruhan Ummah Islam ribuan tahun yang lampau. Ia hanya merupakan sifat dan pendekatan musuh Islam, dan bukannya rakan.

Sayyid Muhammad ﵁ juga amat mempercayai bahawa ulama' –ulama' Mazhab yang agung - mengikuti Sunni-Sufi - sejak beratus tahun yang lalu, adalah penghubung kita kepada Al-Quran dan As-sunnah, dan bukanlah penghalang antara keduanya dengan kita, seperti yang dipercayai sesetengah pihak.

Kefahaman yang benar berkenaan Al-Quran dan Sunnah ialah kefahaman yang berasaskan tafsiran para ulama' agung Islam, dan bukan dengan sangkaan para ekstrimis zaman moden ini yang tidak berfikir dua kali sebelum mencela majoriti Muslim di seluruh dunia. Sayyid Muhammad ﵁ juga berpendapat majoriti ummah ini adalah baik. Kumpulan-kumpulan minoriti yang fanatiklah yang perlu mengkaji semula fahaman ekstrim mereka.

Sayyid Muhammad ﵀ merupakan pendukung sebenar Sufi yang berasaskan Syariah, Sufi para Awliya' agung dan solehin ummah ini. Beliau sendiri merupakan mahaguru kerohanian di tingkat yang tertinggi, berhubungan dengan kebanyakan peraturan kerohanian Islam, melalui para Masyaikh Toriqah yang agung.

Beliau turut mempercayai bahawa membaca Zikir, samaada secara bersendirian atau berkumpulan, adalah bahagian penting dalam kerohanian seseorang. Semua pelajarnya dimestikan bertahajjud dan membaca wirid pagi dan petang.

Sayyid Muhammad ﵀ juga beranggapan, ummat Islam perlu menggunakan segala hasil yang ada untuk meningkatkan taraf ummah mereka dari sudut kerohanian, masyarakat dan juga material, dan tidak membuang masa yang berharga dengan berbalah pada perkara-perkara kecil. Beliau percaya Muslim tidak seharusnya mencela satu sama lain dalam perkara yang telah diselisihkan oleh para ulama'. Mereka sebaliknya perlu berganding bahu bersama untuk memerangi apa yang telah disepekati sebagai kejahatan dan dosa.

Pandangan dan pendirian Sayyid Muhammad ﵀ ini digambarkan dalam tulisannya yang terkenal, Mafahim Yajib An Tusohhah (Kefahaman Yang Perlu Diperbetulkan), sebuah buku yang mendapat penghargaan meluas di seluruh dunia Islam dan diiktiraf tinggi di lingkaran para ulama'.

Penutup

Tidak diragui lagi, kehadiran Sayyid Muhammad 'Alawi ﵀ merupakan rahmat buat ummah ini. Beliau merupakan waris kepada kekasih kita Nabi Muhammad ﷺ dari sudut darah daging serta kerohanian. Masyarakat Makkah dan Madinah teramat mencintai beliau seperti mana dilihat pada solat jenazah beliau.

Siapa sahaja yang pernah menemui beliau jatuh cinta dengan beliau. Rumahnya di kota suci Makkah sentiasa terbuka sepanjang tahun untuk ulama' dan para penuntut yang menziarahi, ribuan orang yang menuju kepadanya. Beliau juga tidak kenal erti takut dalam berkata yang benar dan telah mengalami detik-detik kepayahan kerana kebenaran. Walau bagaimanapun pertolongan Allah kelihatan sentiasa bersama dengannya.

Maklumat lanjut kehidupan dan pencapaiannya boleh dirujuk biografinya yang hebat bertajuk, Al-Maliki 'Alim Hijjaz, karangan penulis dan sejarahwan terkenal Makkah, Dr Zuhayr Kutbi.

Pemergiannya

Beliau telah meninggalkan kita pada hari Juma’at, 15 Ramadhan 1425H / 29 Oktober 2004M (bersesuaian dengan doanya untuk meninggal dunia pada bulan Ramadhan), dalam keadaan berpuasa di rumahnya di Makkah. Kematiannya amat mengejutkan.

Benar.. Ia adalah satu kehilangan yang besar.. Ucapan takziah diucapkan dari seluruh dunia Islam. Solat jenazah beliau dilakukan di seluruh pelusuk dunia.

Beliau telah pergi pada bulan Ramadhan dan pada hari Jumaat.

Solat jenazah pertama di rumah beliau diimamkan oleh adiknya As-Sayyid ‘Abbas, dan seterusnya di Masjidil Haram dengan Imam Subayl… Ratusan ribu manusia membanjiri upacara pengebumiannya. Semua orang menangis dan sangat bersedih… Allahu Akbar…

Betapa hebatnya beliau… betapa besarnya kehilangan ini… Betapa ramainya yang menyembahyangkannya… Beliau yang amat dicintai oleh masyarakat… seorang ulama’ yang berkaliber dan berpengetahuan serta berhikmah…

Terdapat sekurang-kurangnya 500 orang tentera diperintah oleh kerajaan ‘Arab Saudi di perkuburan Ma’ala untuk mengawal ribuan orang yang menangisinya. Kerabat diraja juga turut hadir. Para manusia menempikkan Kalimah dengan kuat sepanjang pengebumian beliau, memenuhi Makkah dari Masjidil Haram sehingga ke tanah perkuburan.

Beliau disemadikan di sebelah bapanya, berhampiran maqam nendanya Sayyidah Khadijah ﵂. Sebelum beliau meninggal dunia, beliau ada menghubungi seorang pelajar lamanya di Indonesia melalui telefon dan bertanyanya adakah dia akan datang ke Makkah pada bulan Ramadhan. Apabila dia menjawab tidak, Sayyid Muhammad ﵀ bertanya pula, “tidakkah engkau mahu menghadiri pengebumianku?”

Tepat sekali, beliau pergi pada bulan Ramadhan di pagi Juma’at… apakah lagi bukti yang diperlukan menunjukkan penerimaan Allah?! Makkah menangisi pemergiannya… Seluruh dunia Islam menangisi kehilangannya. Semoga Allah menganugerahkan beliau tempat yang tertinggi di Jannah, bersama-sama kekasihnya dan datuknya Rasulullah ﷺ. Amiin.

Sumber dari Blog Dunia Alawiyyin:
http://alhaddads77.multiply.com/journal/item/22/Sayyid_Muhammad_bin_Alawi_bin_Abbas_Al-Maliki_Al-Hassani (Dan sedikit gubahan)